

UMS sentiasa prihatin terhadap semua perayaan anjuran pelajar

NST 2.11.2016 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa menyokong usaha kakitangan dan pelajar dalam menganjurkan pelbagai aktiviti sihat khususnya yang menjurus kepada keharmonian seperti aktiviti kebudayaan dan perayaan di dalam dan luar kampus.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (*gambar*), selain sebagai satu usaha untuk mengukuhkan budaya warisan turun-temurun, ia juga bagi meningkatkan jati diri dan mengangkat nilai moral warga kampus mengikut anutan dan kepercayaan agama masing-masing.

"Dalam masa yang sama, kita juga sentiasa menyediakan bantuan dana selain mendidik pelajar yang terlibat tentang tatacara pengurusan sesuatu majlis melalui penyelia yang terdiri daripada pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Walau bagaimanapun Harun berkata, usaha tersebut mungkin kurang jelas dalam pandangan segelintir pihak sehingga terdapat individu daripada sebuah parti politik baru-baru ini mengaitkan isu perayaan Krismas dengan UMS di dalam akhbar tempatan.

"Perkara yang sensitif ini tidak seharusnya ditimbulkan kerana ia bukan sahaja boleh mengganggu kerharmonian masyarakat majmuk di negara ini terlebih kepada negeri Sabah yang terkenal dengan keutuhan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama," katanya sambil menyatakan salah faham terdahulu telah pun diperjelaskan dalam akhbar-akhbar tempatan dua tahun lalu (12 November 2014).

Harun turut memetik kata-kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau ketika berucap merasmikan Pesta Krismas UMS



pada tahun 2015.

"Saya sangat bersetuju dengan ucapan Datuk Madius yang mengatakan bahawa mempolitikkan isu agama tidak membawa kepada penyelesaian, tetapi jika sifat saling memahami diamalkan masalah itu akan diselesaikan," katanya.

Sementara itu, Harun turut memaklumkan keprihatinan UMS adalah merangkumi pelbagai aspek termasuk inisiatif meletakkan cuti pertengahan semester pada perayaan Deepavali baru-baru ini bagi memastikan pelajar daripada kaum India yang beragama Hindu dapat meraikan perayaan berkenaan.

"Sehubungan itu, saya dalam kesempatan saya ingin mengalu-alukan mana-mana pihak ingin mengajukan sebarang cadangan atau pandangan agar berhubung terus dengan saya atau menghantar emel kepada BPK@ums.edu.my.

"Marilah kita sama-sama memajukan dan memartabatkan UMS selaku institusi pendidikan tinggi yang kita banggakan secara positif melalui saluran yang betul berbanding membuat kenyataan-kenyataan yang tidak sahih dan kurang berasas yang boleh menjatuhkan kredibiliti universiti ini yang merupakan mercu tanda kecemerlangan pendidikan negeri Sabah yang kita cintai," katanya.